

Bajet 2004: Khabar gembira untuk rakyat

UM 12 SEP 2003
Oleh ZAHARUDDIN MOHD. ALI

KUALA LUMPUR 11 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan beberapa 'perkhabaran gembira' ketika membentangkan Bajet 2004 petang esok dengan strategi untuk terus memperkasakan kedudukan ekonomi negara tanpa membebankan rakyat.

Beliau yang juga Menteri Kewangan akan menyampaikan ucapan bajet itu pada pukul 4 petang di Parlimen, yang akan turut disiarkan secara langsung menerusi televisyen dan radio.

Ini adalah pembentangan bajet terakhir Dr. Mahathir sebelum bersara selepas Oktober ini.

Antara perkara yang disebut-sebut akan memberi faedah kepada ramai pada bajet kali ini ialah penekanan terhadap keperluan rumah untuk rakyat berpendapatan rendah.

Golongan pelajar termasuk yang berminat untuk melanjutkan pengajian dalam bidang teknikal juga dikatakan akan mendapat faedah dalam bajet kali ini.

Tumpuan juga dijangka diberikan bagi mengurangkan kos menerbangkan bakal-bakal jemaah haji.

Selain itu, peneroka tanah-tanah rancangan Felda dijangka mendapat khabar gembira melalui pengenalan satu pendekatan baru untuk membela nasib mereka.

Para pemilik motosikal berkuasa rendah pula dijangka diberi insentif dari segi cukai jalan.

Kelima-lima perkara tersebut adalah antara isu yang dibangkitkan kebelakangan ini oleh pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) dan sayap parti politik seperti Pergerakan Pemuda UMNO.

Mengenai soal perumahan kos rendah itu, bajet tersebut dijangka mengambil perhatian mengenainya kerana kerajaan mendapati pema-ju swasta masih gagal melaksanakan tanggungjawab membina rumah jenis itu kepada rakyat.

Sehubungan itu, satu pendekatan secara menyeluruh akan dilakukan untuk memastikan golongan rakyat berpendapatan rendah diberi kemudahan.

Tumpuan dikatakan akan dibuat secara menyeluruh dan tidak hanya pada kawasan bandar sahaja.

Kerajaan-kerajaan negeri juga telah diminta turut sama memberikan sumbangan yang boleh membantu mengurangkan kos pembinaan rumah kos rendah dengan mengurangkan premium tanah.

Bagi memiliki rumah-rumah ini pula, ramai percaya kerajaan akan memperkenalkan satu skim sewa beli mudah.

Selain membantu rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah, kaedah ini (membina lebih banyak rumah kos rendah) juga dapat membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam pada itu, sebagai sebuah negara sedang membangun yang memerlukan tenaga kerja yang berpengetahuan, beberapa insentif juga dijangka diumumkan.

Kerajaan dikatakan mengambil pendekatan itu dalam usaha menggalakkan lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian masing-masing.

Bantuan kepada golongan yang melanjutkan pengajian mungkin akan diberikan melalui pengwujudan dana-dana khas yang baru dan pengenalan beberapa jenis potongan.

Ini kerana mereka dikatakan akan diberi kemudahan mendapatkan pinjaman dalam bajet kali ini.

Kerajaan juga dikatakan sedia mengkaji semula kaedah pembayaran semula pinjaman untuk melanjutkan pengajian.

Dalam pada itu, kerajaan juga dipercayai akan berusaha mengatasi keluhan rakyat berpendapatan rendah yang mahu menunaikan Rukun Islam kelima — menunaikan haji — akibat kos yang meningkat hampir setiap tahun.

Bagi peneroka tanah-tanah rancangan Felda, usaha juga dikatakan dibuat untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar dengan merevolusikan sektor pertanian.

Dana baru dijangka diwujudkan untuk membantu penduduk luar bandar mendapatkan modal dalam usaha menambah nilai hasil keluaran mereka yang mahu dipasarkan.

Berbanding Bajet 2003 yang tidak menyaksikan cukai rokok dan arak dinaikkan, bajet kali ini dipercayai akan menyentuh kedua-dua barangan itu.

Kedua-dua barangan itu disebut-sebut akan menyaksikan kenaikan cukai pada bajet kali ini.